

Saling memakmurkan dasar terbaik Malaysia-Singapura

Selepas Indonesia, komitmen Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, memperkukuhkan hubungan dan kerjasama dua hala dengan negara jiran ASEAN diteruskan lagi melalui lawatan sehari beliau ke Singapura kelmarin.

Seperti dinyatakan pada sidang media beliau bersama rakan sejawatnya, Lee Hsien Loong, sebagai jiran terdekat, hubungan erat Malaysia dan Singapura amat penting kepada kedua-dua pihak, di mana libat urus pelbagai peringkat lebih aktif dan kerjasama lebih rapat pastinya jalan ke hadapan untuk kedua-dua negara.

Lawatan ke Singapura penting kerana ia sebahagian pembukaan bertahap sempadan kedua-dua negara, bagi membolehkan perjalanan antara rakyat masing-masing yang terhenti sekian lama sejak pandemik melanda dunia, berlangsung semula.

Dalam lawatan ini, kedua-dua Perdana Menteri melancarkan Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) darat dan udara yang akan memberi ruang kepada rakyat kedua-dua belah tambak yang terpaksa berjauhan dengan keluarga akibat pandemik, untuk bersatu semula dengan insan tersayang.

Pada peringkat permulaan, VTL darat hanya dihadkan kepada 1,500 pengembara sehari melalui pengangkutan bas. Pengembara dibenarkan juga terhad warganegara Malaysia dan Singapura serta penduduk tetap serta pemegang pas jangka panjang Malaysia dan Singapura.

Lebih penting, pelancaran VTL darat dan udara akan membolehkan pengaktifan semula aktiviti sosial dan ekonomi rentas sempadan, memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara yang saling bergantung satu sama lain.

Keputusan membuka secara berperingkat sempadan darat dan udara ini pasti positif kerana akan merancakkan kembali aktiviti sosial dan ekonomi kedua-dua negara serta menghidupkan semula sektor perhotelan, pelancongan dan restoran bukan sahaja di Johor, tetapi juga negeri lain di Malaysia.

Sebab itu kedua-dua Perdana Menteri bersetuju melaksanakan beberapa langkah tambahan membabitkan perjalanan rentas sempadan Malaysia-Singapura, iaitu:

- Memasukkan semua kategori pengembara untuk VTL darat tertakluk keperluan kesihatan ditentukan kedua-dua negara.
- Memperluaskan VTL darat kepada laluan perkhidmatan bas tambahan melalui Link Kedua, kereta api dikendalikan Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan kenderaan persendirian seperti motosikal dan kereta (secara berperingkat).
- Mengarahkan pegawai kedua-dua negara mula merangka langkah membolehkan perjalanan rentas sempadan melalui udara antara Singapura dan destinasi seperti Pulau Pinang, Langkawi, Kuching dan Kota Kinabalu di Malaysia.

Sesungguhnya, pembukaan sempadan Malaysia-Singapura mercu tanda besar dalam sejarah pentadbiran Ismail Sabri bermula 20 Ogos lalu.

Walaupun kali ini tiada memorandum persefahaman dimeterai, amat penting kedua-dua Perdana Menteri menyatakan komitmen menyambung kembali secepat mungkin kerja membabitkan mekanisme dua hala sedia ada pada peringkat kementerian dan pegawai, bagi memastikan kerjasama pelbagai aspek dan isu belum selesai di landasan betul.

Satu mekanisme adalah Pemukiman Tahunan Pemimpin membabitkan kedua-dua Perdana Menteri yang tidak dapat dilaksanakan sejak dua tahun lalu akibat pandemik. Ia dijangka diadakan di Singapura suku pertama tahun depan dengan Ismail Sabri sendiri menyatakan persetujuan menghadirinya.

Seperti diumumkan **Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin**, eksport Malaysia berkembang 25.0 peratus bagi tempoh Januari hingga Oktober lalu berbanding tempoh sama 2020, begitu juga import yang mencatatkan pertumbuhan dua angka 21.8 peratus, dengan Singapura antara negara penyumbang utama peningkatan eksport dan import ini.

Data yang ada, di mana nilai eksport Malaysia ke Singapura bagi tempoh Januari hingga Oktober lalu adalah 14.0 peratus daripada nilai eksport keseluruhan (RM140,573 juta daripada RM1,003,748 juta) dan nilai import bagi tempoh sama adalah 9.4 peratus daripada nilai import keseluruhan (RM75,530 juta daripada RM801,173 juta), menjelaskan bahawa saling memakmurkan adalah dasar terbaik.

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/12/893878/saling-memakmurkan-dasar-terbaik-malaysia-singapura>